

## MSM catat untung RM60.71 juta

**KUALA LUMPUR** – MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM), pengeluar gula bertapis terkemuka negara mengakhiri tahun kewangan 2018 dengan pemulihan berterusan.

Anak syarikat FGV Holdings Bhd. itu mencatat keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM60.71 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, naik 400 peratus berbanding kerugian sebelum cukai sebanyak RM 19.57 juta pada tahun sebelumnya.

Pengarah Eksekutif MSM, Datuk Khairil Anuar Aziz berkata, keuntungan bersih dari tahun ke tahun meningkat sebanyak 197 peratus kepada RM 35.62 juta berbanding kerugian yang dicatatkan pada tahun 2017.

“Ia didorong oleh penurunan kos gula mentah serta pemulihan nilai ringgit sebanyak tujuh peratus seiring penurunan harga jualan purata,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.